

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM TERIMA PERUNTUKAN TERTINGGI BELANJAWAN 2025,
KERAJAAN ANGKAT MARTABAT RAKYAT
MENERUSI PENDIDIKAN**

Belanjawan MADANI Ketiga 2025 adalah satu usaha penting untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan negara. Aspek pendidikan terus diberi keutamaan demi memastikan hasrat membina Malaysia MADANI yang mampan dan berdaya saing tercapai. Sejumlah RM64.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikannya sebagai penerima peruntukan terbesar Belanjawan 2025.

Dalam Belanjawan 2025, keutamaan terus diberi kepada usaha untuk meningkatkan infrastruktur sekolah. Sebanyak RM2 bilion disediakan untuk projek naik taraf dan penyelenggaraan sekolah seluruh negara merangkumi RM1 bilion untuk menyelenggara semua jenis sekolah. Manakala, RM1 bilion lagi diperuntukkan untuk menaik taraf prasarana daif di 543 buah sekolah terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk membaik pulih kemudahan seperti kantin dan musolla. Lebih RM1.8 bilion pula disediakan bagi membina, menyelenggara dan membaik pulih semua kuarters penjawat awam termasuk guru. Kerajaan turut menggalakkan pelibatan badan swasta dan syarikat kerajaan dalam program pendanaan bagi penyediaan kemudahan lain di sekolah seperti dewan terbuka.

Bagi memastikan akses pendidikan terus ditingkatkan, Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebanyak 44 sekolah baharu. Selaras dengan agenda Reformasi Pendidikan yang memberi tumpuan kepada pendidikan awal kanak-kanak, 34 prasekolah baharu turut akan dibina.

Kerajaan meneruskan pemberian 17 jenis bantuan pendidikan dengan peruntukan RM5.3 bilion. Ini termasuk RM2 bilion untuk Bantuan Makanan Asrama (BMA) dan RM870 juta untuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang bakal memanfaatkan lebih 860 ribu murid. Selain itu, RM800 juta Bantuan Awal Persekolahan (BAP) disediakan kepada semua 5.2 juta murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengira pendapatan ibu bapa. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) juga ditingkatkan kepada RM180 juta berbanding RM150 juta ringgit sebelum ini.

Mengambil kira keperluan menampung kos pembelajaran yang kian meningkat, Kerajaan bersetuju kadar Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditingkatkan sebanyak 15 peratus berjumlah RM900 juta. Peruntukan khas RM10 juta turut disediakan sebagai Bantuan Persekolahan kepada semua 687 sekolah pedalaman.

Keprihatinan Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dizahirkan menerusi inisiatif untuk menaikkan elaun sara hidup siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) kepada RM530 sebulan. Sejumlah RM1.2 bilion diperuntukkan kepada Kolej Vokasional (KV) dan Sekolah Menengah Teknik (SMT) seluruh negara untuk menyediakan pendidikan kepada 77,000 orang pelajar.

Komitmen kerajaan kepada pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dibuktikan menerusi kelulusan pembinaan 11 Pusat PERMATA baharu yang dilengkapi dengan pusat didikan anak-anak autistik termasuk di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM300 juta diperuntukkan untuk pembinaan dua sekolah baharu bagi MBPK iaitu Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SPMKV) Tuaran, Sabah dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Johor Bahru dengan kos RM300 juta. RM10 juta turut disediakan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selesa dan untuk membantu sekolah autistik swasta yang berdaftar dengan KPM. Elaun Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (EMBPBK) sebanyak RM150 sebulan disediakan yang memberi manfaat kepada 110,000 MBPK termasuk murid autisme yang melibatkan peruntukan sebanyak RM200 juta.

Program Anak Kita terus diperkasa dengan tambahan peruntukan RM30 juta bagi menangani isu keciciran murid melalui Yayasan Hasanah. Kerajaan juga bersetuju memberikan tambang percuma kepada semua pelajar kolej matrikulasi di seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan BAS.MY.

Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap akan dilaksanakan di sekolah-sekolah luar bandar dengan peruntukan RM100 juta. Bagi mengangkat darjat bahasa dan kesusasteraan pula, RM50 juta disediakan untuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bekerjasama dengan penggiat bahasa untuk mempergiat aktiviti bahasa dan kesusasteraan khususnya dalam kalangan generasi muda.

Sebanyak RM150 juta turut diperuntukkan bagi memperkasa pelibatan komuniti di sekolah. Ini dilakukan menerusi penganjuran gotong-royong dan program kesukarelawanan di semua sekolah melibatkan persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), yayasan, syarikat kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pembentangan Belanjawan 2025. KPM menggalas amanah besar memastikan peruntukan Belanjawan 2025 dapat memberi impak positif kepada agenda Reformasi Pendidikan yang sedang berjalan.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
19 OKTOBER 2024**